

Dr. Mahathir: Jika kawasan balak terus dibuka selama 12 tahun...

Sumber

kayu harus

habis

BH30 OGO1977

Oleh NAZRI OTHMAN

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia akan kehabisan sumber kayu-kayan dalam tempoh 12 tahun jika kadar pembukaan kawasan balak yang dijalankan sekarang diteruskan, tegas **Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad**.

Sambil mensifatkannya sebagai satu krisis penting dalam perkembangan ekonomi negara, Timbalan Perdana Menteri berkata, jika keadaan ini berterusan, ia akan memberi implikasi yang serius terhadap ekonomi negara.

Katanya, pada kira-kira tahun 1990, kadar pengeluaran kayu balak Malaysia tidak akan mencukupi untuk membekalkan permintaan dalam negeri.

"Perusahaan eksport akan lenyap dan sebahagian besar dari keupayaan kilang kayu yang ada sekarang terpaksa ditutup.

"Masa itu, kita akan bergantung kepada pengeluaran kayu balak dari kawasan-kawasan hutan simpanan kekal saja, dan kita terpaksa mengimport kayu dan ini akan mengurangkan pertukaran wang asing kita," tegas beliau ketika berucap merasmikan mesyuarat Majlis Perhutan Negara di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Sambil memberi amaran bahawa perkara ini adalah serius, Dato Seri Dr. Mahathir berka-

ta, bila keadaan ini berlaku, rakyat akan hilang mata pencarian, dan kita juga akan hilang modal yang ditanam dalam perusahaan itu.

Sebaliknya, jika pembukaan kawasan-kawasan hutan untuk dibalak adalah mengikut kadar keluasan yang betul-betul diperlukan untuk pertanian tiap-tiap tahun iaitu seluas 140,000 ekar dan tidak atas kadar purata sekarang seluas 680,000 ekar setahun, mungkin kita dapat memanjangkan nyawa sumber-sumber kayu asli dari kawasan-kawasan hutan itu bagi tempoh kira-kira 35 tahun lagi."

1,015,000 ekar, jelas beliau.

Menurutnya, sebahagian besar dari kawasan yang telah dibuka itu ialah untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian tetapi malangnya bakinya berjumlah 1.4 juta ekar tidak diperlukan untuk pembangunan pertanian secara segera.

Tegasnya, "Kita harus menyedari betapa serius implikasinya kepada kestabilan sosio-ekonomi negara jika sektor perusahaan perakuan ini merosot."

Selain dari itu beliau juga menegaskan betapa perlunya disegerakan penubuhan kawasan-kawasan hutan simpanan kekal.

Serius

Dengan mensifatkan keadaan sekarang sebagai serius, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, salah satu faktor penting ialah tentang kadar pembukaan kawasan-kawasan balak yang tidak terkawal terutama dalam tempoh kira-kira enam tahun kebelakangan ini.

Dalam jangka masa itu, sejumlah kira-kira 5.5 juta ekar kawasan hutan di Semenanjung Malaysia telah dibuka untuk dibalak.

Dalam tahun 1976 saja, luas kawasan yang telah dibuka untuk dibalak meningkat ke angka yang paling tinggi iaitu